

Tiada kesedaran sivik punca wabak berjangkit menular

Sikap pengotor punca penyakit

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI
dan NUR EMIRA SAIZALI

KUALA LUMPUR – Sikap segelintir rakyat negara ini yang mengabaikan tanggungjawab dan tidak mengambil peduli aspek kebersihan dikenal pasti sebagai faktor mengundang dan menyebarkan penyakit berjangkit.

Antara penyakit berjangkit dengan jumlah pesakit yang tinggi ialah demam denggi, virus HIV dan wabak Tuberculosis (Tibi).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, perkara itu dikesan berpunca daripada sikap masyarakat yang rendah tahap kesedaran selain gagal menjalani kehidupan secara

sihat dengan persekitaran yang bersih.

“Faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan penyakit berjangkit ialah tahap kebersihan yang tidak memuaskan di kawasan perumahan, tapak pembinaan dan taman rekreasi.

“Masyarakat perlu memainkan peranan aktif untuk mewujudkan persekitaran yang bersih bagi membasmi penularan penyakit berjangkit yang boleh membawa maut,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Dr. Tan Seng Giaw (**DAP-Kepong**) mengenai apakah masalah utama penyakit berjangkit yang masih terus menular dan strategi untuk mencegahnya.

Subramaniam memberitahu, antara langkah pencegahan yang dilakukan ialah menggunakan Sistem Pengurusan Wabak Denggi (eDengue) bagi meningkatkan pengawasan ke atas lokaliti dan wabak denggi.

Jelasnya, pihaknya juga akan menambah kemudahan diagnosa penyakit Tibi dengan membeli mikroskop fluorese LED yang boleh mengesan bakteria dengan lebih cepat.

“Bagi membendung virus HIV pula, langkah-langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan penyakit ini akan dilaksanakan mengikut siri Pelan Strategik Kebangsaan mengenai AIDS 2016-2030.



SIKAP segelintir masyarakat yang pengotor seperti membuang sampah sesuka hati punca penularan penyakit berjangkit. – Gambar hiasan